

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 MAC 2015 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Lam Thye: Probe nanotechnology risks	The Malay Mail
2	Malaysia tidak beralih dari garisan khatulistiwa	Sinar Harian
3	SPAN saran pembenihan awan	Utusan Malaysia
4	Bahang menggila	Harian Metro
5	Orang Ramai Dinasihati Berada Di Kawasan Redup Sekerap Mungkin Semasa Fenomena Ekuinoks	Bernamea.com

Lam Thye: Probe nanotechnology risks

KUALA LUMPUR — Safeguards must be put in place to protect workers in nanotechnology field as well as the public.

National Institute for Occupational Safety and Health chairman Tan Sri Lee Lam Thye urged the government, professionals and academics in the industry to shed more light on the dangers associated with the revolutionary technology, which is the manipulation of atoms and molecules to produce new structures, materials and devices.

"There is an urgent need for risk governance concerning safety and health with the emergence of nanotechnology and its increased use," he said.

"More work and research is needed by the academia, policymakers, industrial sectors and the public to fulfill the potential of this technology."

Lee said more consumer products, including cosmetics, IT devices and semi-conductors were manufactured from nanotechnology processes or comprised nano materials.

"In the coming decade, the use of nanomaterials is expected to increase to

10 per cent leading to a rapid expansion of nanotechnology that will impact our daily lives.

"Adequate guidelines for handling nanoparticles and nano-related products are essential," he said.

He said workers in factories producing nano products may be exposed to airborne nano particles without knowledge and adequate protection.

"Consumers may unknowingly come into direct contact with nano material commercial products other than cosmetics, which will have an impact on human health and environment."

He called for the stakeholders involved to carry out more research and take steps to disseminate vital information to the public on risk and safety of nano materials and nanotechnology.

"Researched information on safety and toxicity is needed and must be shared with the public.

"It may be necessary to introduce a National Nanosafety and Ethics Policy if it does not already exist," he said.

Lee also suggested for the introduction of a regulatory framework and safety

audit of the use of nanotechnology.

He said the areas that required focus were to improve understanding of hazardous properties in nano materials among workers and managements, assess the effectiveness of workplace controls to prevent harmful effects of exposure and develop procedures to measure the emissions and exposure in the workplace.

He said information and guidance should also be provided for nanotechnology organisations.

Lee revealed about 400,000 workers were employed in the industry worldwide in 2010 and the number was expected to rise to six million by 2020.

The Science, Technology and Innovation Ministry started research and development into nanotechnology in 2001.

The 2006 budget allocated RM868 million for the ministry to conduct research and development focusing on biotechnology, advanced manufacturing, and alternative energy sources such as solar for the development of new products by local companies.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 5 MAC 2015 (KHAMIS)

Malaysia tidak beralih dari garisan khatulistiwa

SHAH ALAM - Cakap-cakap yang mengatakan bahawa cuaca panas ekstrem sekarang berpunca daripada 'larinya' Malaysia daripada garisan khatulistiwa adalah tidak benar.

Pegawai Jabatan Meteorologi, Ambun Dindang menjelaskan kedudukan Malaysia pada garisan khatulistiwa adalah tidak pernah berubah.

"Tidak pernah berubah, ia hanya atas sedikit ke utara garisan khatuli-

stiwa," katanya, semalam.

Dalam pada itu, beliau turut menafikan bahawa negara mengalami cuaca panas yang ekstrem, sebaliknya beliau menjelaskan bahawa cuaca panas yang kita alami sekarang adalah sama seperti tahun-tahun sebelumnya.

"Cuaca panas yang kita alami adalah 'panas biasa' ia normal di mana negara akan mengalami cuaca pa-

nas sepanjang Februari hingga Mac terutama di bahagian Semenanjung Malaysia," jelasnya.

Dalam pada itu, Ambun menasihati orang ramai agar minum banyak air kosong, serta mengurangkan aktiviti luar bagi 'menjaga' keselamatan.

"Saya sarankan kalau hendak buat aktiviti luar buatlah di waktu pagi dan lewat petang," jelasnya.



Pekerja kontrak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, tetap menjalankan tugas hariannya agar kawasan Taman Tasik Titiwangsa tetap bersih walaupun cuaca panas dan kering.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 5 MAC 2015 (KHAMIS)

SPAN saran pembenihan awan

KUALA LUMPUR 4 Mac - Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mencadangkan kerajaan negeri melakukan pembenihan awan menggunakan teknik *hygroscopic flare* sebagai langkah segera menangani masalah kemarau yang melanda negara pada masa ini.

Pengerusinya, Datuk Ismail Kasim (**gambar**) berkata, teknik itu mampu menghasilkan tambahan hujan antara 30 hingga 60 peratus berbanding kaedah sebelum ini.

"Kaedah ini dilihat berkesan dalam kadar segera bagi menangani masalah kemarau yang berlaku di negeri yang berada dalam keadaan kritikal.

"Namun bukan semua pembenihan awan akan berjaya kerana turut bergantung kepada arah angin yang membawa awan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini me-

laporkan paras air di beberapa empangan dan sungai di Negeri Sembilan dan Johor mula menghampiri paras kritikal serta dijangka mengalami penyusutan berikutan kurangnya penerimaan hujan akibat cuaca panas dan kering.

Ismail berkata, dalam usaha mengurangkan masalah kemarau, kerajaan negeri digalakkan memohon bantuan dana kecemasan daripada kerajaan Pusat bagi melakukan langkah awal pembenihan awan.

"Kos untuk melakukan pembenihan awan sangat tinggi. Satu perbincangan lanjut boleh dibincangkan antara kerajaan dengan kerajaan negeri untuk mendapatkan dana tersebut.

"Selain itu bantuan daripada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan **Jabatan Meteorologi** juga diperlukan bagi menjalankan operasi," katanya.



**KERATAN AKHABAR TEMPATAN
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 40
TARIKH: 5 MAC 2015 (KHAMIS)**



JALAN di jambatan Putra Putrajaya yang kering kelihatan seperti basah akibat fatamorgana yang terhasil daripada cuaca panas melampau.

MIDAH Maril mengangkat jemuran yang cepat kering akibat cuaca panas

FENOMENA CUACA PANAS

BAHANG MENGGILA

■ Utara Semenanjung dijangka lebih teruk

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@metro.com.my
Kuala Lumpur

Cuaca panas dan kering di kebanyakan kawasan di negara ini dijangka tidak berubah dengan purata suhu sepanjang minggu ini dianggarkan sekitar 34 hingga 35 darjah Celsius.

Timbalan Ketua Pengarah (Cuaca dan Iklim) Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia) Alui Bahari berkata, ramalan cuaca itu adalah untuk beberapa kawasan di semenanjung.

"Kawasan utara Semenanjung seperti Kedah, Perak dan Perlis pula dijangka lebih panas iaitu sekitar 36 hingga 38 darjah Celsius.

"Seperti tahun sebelumnya, purata suhu yang direkodkan itu dilihat tidak banyak berbeza dan cuaca masih dianggap normal," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, menurut laman web jabatan berkenaan, jangkaan hujan di Semenanjung Malaysia dan Sarawak sepanjang bulan ini adalah pada paras purata manakala Sabah dijangka menerima hujan sedikit di bawah tahap berkenaan.

Sepanjang bulan ini, semua

Paras empangan susut

Kuala Lumpur: Cuaca panas yang berterusan menyebabkan paras air di tiga empangan utama negara semakin menyusut mengatasi paras minimum.

Menurut laman web rasmi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), sehingga jam 4 petang semalam, Empangan Padang Saga, Kedah paling merosot dengan baki simpanan kini berbaki 51 peratus dengan bacaan 19.19 meter (m) berbanding paras minimum 18.50m.

Empangan Bekok, Johor juga terus merosot dengan bacaan 13.76m berbanding bacaan normal 15.50m manakala Empangan Anak Endau, Pahang pula mencatat

bacaan 18.95m, menurun daripada paras normal 21.60m.

Selain itu, beberapa empangan lain di bawah pengurusan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) juga menunjukkan penurunan.

Menurut laman berkenaan, sehingga jam 4 petang semalam, Empangan Sungai Tinggi merosot dengan baki simpanan takungan sebanyak 69.5 peratus.

Kolam Takungan Sungai Labu juga tidak menunjukkan perubahan dengan jumlah simpanan hanya tinggal 74.4 peratus, manakala Empangan Sungai Selangor pula mempunyai baki simpanan takungan sebanyak 75.56 peratus.

negeri kecuali di utara Semenanjung akan menerima jumlah hujan sehingga 300 milimeter (mm).

Negeri di utara Semenanjung pula dijangka akan menerima hujan yang sedikit iaitu kurang 100 mm.

Sabah pula sepanjang Mac ini akan menerima hujan sedikit di bawah purata dengan anggaran kurang 200

mm manakala Sarawak dijangka menerima taburan hujan pada paras purata iaitu di antara 200 mm dan 500mm.

Selain itu, laman web berkenaan turut meramalkan jangkaan jumlah hujan sepanjang April depan adalah antara 100mm dan 300mm bagi seluruh negeri kecuali Kelantan dan Terengganu.

Dua negeri berkenaan masing-masing menerima hujan dengan anggaran kurang dari 100mm.



BURUNG merpati menghilangkan haba di kolam



PARAS air Sungai Sembong Kecil kering akibat es

ANGGOTA polis trafik terdedah kepada cuaca panas ketika bertugas bagi memastikan kelancaran trafik di Bukit Aman.

FAKTA

Purata suhu sepanjang minggu ini dianggarkan sekitar 34 hingga 35 darjah Celsius

**KERATAN AKHABAR TEMPATAN
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 41
TARIKH: 5 MAC 2015 (KHAMIS)**




FOTO: HAFIZU, SAMPUKUN, SARIN KIRIS, ZUKA ARMAN, AHMAD, ENG GUAN, RENE, NANCY DANIEL, MUHAMMAD HAFIZU, MOHAMMAD DANI, GALILEO, BISHARA

PARAS air di Empangan Gemencheh
kritikal iaitu 93.9 meter berikutan
fenomena cuaca panas.



alam takungan yang semakin kering di Little India, Jalan Bendahara, Melaka.



cuaca panas sejak sebulan lalu



MUHAMMAD Zariq Mohd Khalid Zaki, 22,
berteduh di bawah pokok tinggal ranting
di Jalan Pintasan, Kuantan.



Orang Ramai Dinasihati Berada Di Kawasan Redup Sekerap Mungkin Semasa Fenomena Ekuinoks

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Orang ramai, khususnya individu yang sering terdedah kepada cahaya matahari akibat faktor pekerjaan atau aktiviti lain, dinasihatkan berada di kawasan yang redup sekerap mungkin semasa fenomena Ekuinoks.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman berkata ia bertujuan mengurangkan risiko kepada sebarang masalah kesihatan akibat cuaca panas.

"Sekiranya terpaksa berada di luar, gunakan topi atau payung serta krim pelindung cahaya matahari," katanya kepada Bernama di sini, Rabu.

Agensi Angkasa Negara (Angkasa) sebelum ini memaklumkan Ekuinoks merupakan satu fenomena apabila matahari berada tepat pada garisan Khatulistiwa selepas bergerak dari hemisfera selatan ke utara yang menyebabkan cuaca lebih panas dan tempoh siang di kawasan Khatulistiwa lebih panjang daripada biasa. Katanya, selain individu yang terpaksa bekerja dalam cuaca panas seperti nelayan, anggota keselamatan dan buruh, golongan bayi dan kanak-kanak di bawah usia empat tahun juga amat sensitif terhadap suhu tinggi.

"Pastikan kanak-kanak tidak ditinggalkan dalam kereta. Ini kerana mereka terpaksa bergantung kepada orang dewasa bagi mendapatkan bekalan air yang cukup serta mengawal suhu persekitaran," kata beliau.

Bagi mengurangkan kesan fenomena Ekuinoks di rumah atau bangunan, Dr Lokman Hakim menyarankan supaya peralatan elektrik yang tidak digunakan dimatikan, selain membuka tingkap pada waktu malam atau awal pagi untuk mengeluarkan haba yang terkumpul.

Sementara itu, **Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail** menasihati orang ramai supaya tidak terlalu bimbang dengan Ekuinoks kerana ia fenomena biasa yang berlaku dua kali setahun, pada Mac dan September.

Menurutnya tidak semua tempat dalam negara akan mengalami suhu yang tinggi, namun negeri-negeri di utara diramal menghadapi suhu lebih tinggi berbanding negeri lain. Katanya peningkatan suhu dijangka meningkat satu atau dua darjah Celcius sahaja akibat Ekuinoks.

"Ia juga dipengaruhi faktor cuaca. Kalau hujan sudah tentu suhu tidak terlalu tinggi semasa Ekuinoks," katanya.